

09/10/1997

Bursa khas niaga mata wang: PM (HL)

Faizal Fadzil; Ahmad Burak

KUALA LUMPUR, Rabu - Malaysia yang diberi kepercayaan oleh Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) dan Bank Dunia untuk menguruskan usaha mengadakan peraturan dalam perdagangan mata wang, akan mencadangkan supaya bursa khas diwujudkan bagi kegiatan itu.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata penubuhan bursa itu amat penting kerana kaedah yang digunakan sekarang tidak telus sehingga membolehkan kegiatan berkenaan disalah guna untuk tujuan manipulasi dan spekulasi.

"Kita tahu semua urus niaga mempunyai pasaran tertentu. Kalau nak jual saham ada tempat, kalau nak jual komoditi ada tempat, kalau nak jual apa pun ada tempat dan peniagaanya mestilah didaftarkan.

"Tetapi kita dapati dalam bidang urus niaga mata wang ini, tidak ada bursa khas dan kita tak tahu siapa yang berniaga," katanya ketika ditanya pemberita di lobi Parlimen, di sini hari ini.

Sejak kebelakangan ini, Dr Mahathir sering menyuarakan mengenai perlunya kawalan dan ketelusan dalam perdagangan mata wang kerana ketiadaan elemen itu menyebabkan mata wang negara yang lemah begitu mudah diserang oleh manipulator dan spekulator untuk mendapatkan keuntungan.

Menurut Perdana Menteri, amanah yang diberikan IMF dan Bank Dunia itu adalah suntikan semangat baru kepada Malaysia dalam perjuangannya untuk memastikan perdagangan mata wang lebih telus dan tidak dimanipulasikan.

Katanya, Timbalan Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan, Datuk Seri Anwar Ibrahim, diberi tanggungjawab untuk mengemukakan cadangan, termasuk peraturan bagi mewujudkan bursa khas itu.

Menerusi bursa itu, peniaga mata wang boleh mendaftar diri dan diberi tempat tertentu di dalam pasaran untuk membolehkan mereka berniaga.

"Dengan ini kita tahu siapa yang berniaga. Duitnya datang dari mana. Berapa banyak kredit dia dapat dari bank. Semua ini patut kita tahu, barulah kita boleh berniaga. Kalau tak kita berniaga orang yang boleh lesap macam hantu, susahlah," katanya.

Perdana Menteri berkata, hakikat bahawa perdagangan mata wang yang diamalkan sekarang terselindung sepenuhnya, memang diakui oleh pedagang mata wang sendiri.

"Malah hari ini, kalau kita baca dalam Business Times seorang daripada pedagang mata wang dengan bangga berkata, kami (peniaga mata wang) tidak boleh dijumpa (tidak boleh dikesan) di mana-mana kerana kami bertindak secara yang tersembunyi," katanya.

Dr Mahathir berkata, pengakuan pedagang mata wang itu jelas bercanggah dengan apa yang dinyatakan oleh pembiaya kewangan antarabangsa, George Soros, yang kononnya berjuang untuk memastikan matlamat 'masyarakat terbuka' tercapai.

Ketika ini, ada golongan peniaga mata wang yang mengisytihar dengan bangganya bahawa beliau tidak boleh dijumpai di mana-mana kerana perniagaan itu dilakukan secara tersembunyi.

Menurutnya, jika benar perjuangan Soros ialah untuk melihat 'masyarakat terbuka', pembiaya kewangan antarabangsa yang berpangkalan di Amerika Syarikat itu tidak sepatutnya membabitkan diri dalam perdagangan mata wang yang begitu terselindung.

"Tapi apa jenis perniagaan ini yang tersembunyi sedangkan kita dengar Soros kata dia berjuang untuk 'open society', masyarakat yang terbuka, tetapi dia sendiri membabitkan diri dalam satu jenis perniagaan yang

tersembunyi, tersembunyi langsung.

"Tak boleh orang tengok, tak boleh orang tahu siapa. Jadi nampak ada double standard. Untuk orang lain mesti buka, untuk dia (Soros) mesti tutup," katanya.

(END)